

Ucapan: 02/11/2017

Perasmian Program Sukarelawan Sekolah Malaysia iM4U-kementerian Pendidikan

KETUA SETIAUSAHA NEGARA: Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Ali Hamsa

Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis,

YBhg Dato' Sri Alias bin Ahmad

Ketua Setiausaha

Kementerian Pendidikan Malaysia;

YBhg. Datuk Dr. Amin bin Senin

Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia;

YBrs. Encik Rudy Malik,

Ketua Pegawai Eksekutif iM4U;

YBrs. Tuan Hj. Aminudin bin Adam

Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia (Operasi Pendidikan);

YBrs. Encik Ab. Aziz bin Mamat,

Pengetua SMK Putrajaya Presint 16(1);

Pengarah-Pengarah Bahagian

Kementerian Pendidikan Malaysia;

Pengetua-Pengetua

Sekolah-Sekolah Menengah Putrajaya;

Tuan-Tuan dan Puan-Puan

Saudara-saudari Hadirin Sekalian.

1. Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada iM4U diatas jemputan bagi merasmikan Program Sukarelawan Sekolah Malaysia (SSM) pada pagi ini.
2. Saya difahamkan bahawa Program Sukarelawan Sekolah Malaysia (SSM) bertujuan untuk memupuk sikap kesukarelawanan dalam kalangan murid sekolah.
3. Ia merupakan usahasama di antara Kementerian Pendidikan Malaysia dan iM4U. Aktiviti berkonsepkan kesukarelawanan akan diterapkan di peringkat sekolah menengah melalui aktiviti kokurikulum yang sedia ada. Sejak penubuhannya pada tahun 2012, **iM4U mempunyai 3 juta sukarelawan berdaftar** yang terdiri daripada **golongan belia berusia dari 18 hingga 40 tahun**.
4. Bagi tahun 2017, iM4U memfokuskan kepada kumpulan belia berusia antara 13 hingga 17 tahun. Sikap kesukarelawanan merupakan satu sikap yang mulia yang seharusnya dipupuk sejak di usia muda. Justeru itu, **Kementerian Pendidikan Malaysia khususnya Bahagian Kokurikulum dan Kesenian, bekerjasama dengan iM4U** untuk membawakan kepada para pelajar sekolah menengah, program Sukarelawan Sekolah Malaysia (SSM). Sebagai permulaan, program ini akan dijalankan di **10 buah sekolah setiap negeri mulai tahun 2018**. Penglibatan pelajar-pelajar dalam program SSM ini akan diambil kira daripada segi penilaian pelajar tersebut oleh pihak sekolah.
5. **iM4U merupakan antara platform atau landasan sukarelawan terbesar di Malaysia. Keprihatinan Yang Amat Berhormat, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Hj Abdul Razak, Perdana Menteri kita, terhadap belia, telah mencetuskan idea iM4U** untuk menyemarakkan semangat kesukarelawanan di hati belia. Aktiviti yang dijalankan bertujuan bukan sahaja untuk **memupuk semangat keprihatinan masyarakat** tetapi juga mewujudkan **perpaduan dalam kalangan belia** yang dapat membantu ke arah kesejahteraan Negara.

6. Di antara program – program yang telah dijalankan oleh iM4U termasuklah **Volunteer Malaysia**, yang mengandungi pelbagai aktiviti kesukarelawananan dan juga dijalankan serentak di pelbagai lokasi di serata negara. Antara aktiviti yang dijalankan di bawah program Volunteer Malaysia termasuklah **kempen PRIHATIN** iaitu program membaikpulih rumah – rumah yang sudah usang; program **Better City**, sebuah program yang **menaik taraf kemudahan awam** dan penambahbaikan seperti memasang bangku di tepi dinding bangunan serta memasang bumbung di beberapa lokasi berdekatan dengan hentian bas serta program **Green Team**, merangkumi usaha iM4U untuk melaksanakan program “*Go Green*” dengan menanam pokok bagi mengekalkan kehijauan dan eko-sistem alam sekitar.

7. Dengan ini, saya ingin mengucapkan **tahniah kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dan iM4U** atas inisiatif Sukarelawan Sekolah Malaysia ini dan berharap kolaborasi ini akan berlangsung dengan jayanya.

PENUTUP

Saudara-saudari sekalian.

8. Akhir kata, saya berharap para pelajar, guru-guru, pihak pengurusan sekolah, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia dan iM4U dapat terus menyokong serta meneruskan kerjasama murni ini demi para pelajar kita yang bakal mewarisi Negara kita yang tercinta ini.

Sekian,

Wabillahi taufik walhidayah,

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarokatuh.

©2017 Hakcipta Terpelihara Pejabat Ketua Setiausaha Negara

Source: <https://www.ksn.gov.my/newsroom/content/speech/19166/Perasmian-Program-Sukarelawan-Sekolah-Malaysia-iM4U-kementerian-Pendidikan>